



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

KENYATAAN MEDIA

oleh
**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

**PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH
PERSEKUTUAN SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN
2013**

Sukacita dimaklumkan bahawa **Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP)** telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan Istiadatnya akan berlangsung di Balairong Seri Istana Negara, Jalan Duta, Kuala Lumpur pada 1 Februari 2013.

2. Istiadat penuh pengurniaan darjah kebesaran kali ini akan disempurnakan oleh **Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** yang telah memperkenan untuk menyampaikan pengurniaan ini di Istana Negara yang baru sebagai penghargaan kepada mereka yang banyak menabur jasa, memberi sumbangan dan khidmat cemerlang kepada Wilayah Persekutuan.

3. Pada tahun ini, Seri paduka Baginda Yang di-pertuan Agong telah mengampuni perkenan ke atas **283 penerima untuk dikurniakan DKBPWP Tahun 2013**. Daripada jumlah itu seramai tiga (3) individu akan dikurniakan **Darjah Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri Utama**. **Lapan (8) ndividu** akan dianugerahkan **Darjah Seri Mahkota Wilayah (SMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri**. Sementara itu, **41** individu dianugerahkan **Panglima Mahkota Wilayah (PMW)** yang membawa gelaran **Datuk**. Selebihnya, **28** individu dianugerahkan **Johan**

Mahkota Wilayah (JMW), 45 individu menerima pingat **Kesatria Mahkota Wilayah (KMW), 73** individu menerima pingat **Ahli Mahkota Wilayah (AMW)** dan **85** individu menerima Pingat **Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW)**.

4. Di samping itu, penganugerahan DKBPWP Tahun 2013 turut menyenaraikan satu (1) orang penerima SUMW dan satu (1) orang penerima KMW tahun 2012. Kedua-dua penerima ini sepatutnya dikurniakan DKBPWP pada Tahun 2012 tetapi kerana kekangan yang tidak dapat dielakkan kedua-duanya tidak dapat hadir semasa sesi penyampaian anugerah tersebut. Sehubungan dengan itu, Seri paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengampuni perkenan untuk menyampaikan anugerah kepada kedua-dua penerima ini semasa penganugerahan DKBPWP Tahun 2013 di Istana Negara Jalan Duta, Kuala Lumpur.

5. Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan yang bermula tahun 2008 adalah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga Wilayah Persekutuan yang banyak berjasa membangunkan wilayah ini, termasuk mereka yang bukan bermastautin tetapi turut memberi sumbangan dan khidmat yang cemerlang untuk Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

DATO' ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar

1 Februari 2013

KUALA LUMPUR